

Perbelanjaan Isi Rumah oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang meliputi perbelanjaan pakaian, perumahan, pengangkutan dan keperluan bukan makanan lain.

Sesebuah isi rumah didefinisikan sebagai **miskin** sekiranya **pendapatan bulanan** mereka kurang daripada PGK keseluruhan dan didefinisikan sebagai **miskin tegar** sekiranya pendapatan bulanan mereka kurang daripada nilai **PGK makanan**.

Pada masa ini, nilai PGK purata yang digunakan adalah RM950 manakala nilai PGK makanan purata adalah RM300 (berdasarkan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (PPIR) 2014). Nilai ini akan disemak apabila PPIR 2017 dikeluarkan.

Merujuk kepada bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat, konsep kemiskinan mutlak yang dinyatakan di atas adalah berasaskan kepada keperluan minimum. Kebanyakan barang-barang asas adalah terkawal. Namun demikian, pilihan dan *preference* pengguna memainkan peranan yang besar dalam menentukan kos hidup.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara umumnya pendapatan bulanan purata isi rumah telah meningkat daripada RM4,025 pada tahun

2009 kepada RM5,000 pada tahun 2012 dan kepada RM6,141 pada tahun 2014. Ini merupakan peningkatan sebanyak 8.8 peratus setahun. Manakala pendapatan kasar bulanan median juga meningkat daripada RM2,841 pada tahun 2009 kepada RM4,585 pada tahun 2014 iaitu peningkatan sebanyak 10.0 peratus setahun.

Sementara itu, Indeks Harga Pengguna, yang mengukur perubahan peratus kos pembelian "bakul" tetap barangan dan perkhidmatan yang mewakili corak purata pembelian oleh sekumpulan penduduk pada sesuatu tempoh masa yang ditetapkan, telah meningkat dari 98.3 mata kepada 110.5 mata iaitu peningkatan sebanyak 2.5 peratus setahun dari tahun 2009 ke tahun 2014. Oleh itu, jelasnya, menunjukkan bahawa pendapatan isi rumah meningkat lebih tinggi berbanding peningkatan kadar inflasi dalam jangka masa lima tahun terakhir ini.

Sekian, terima kasih.

Oktober 2016